

SOALAN LAZIM
KEMPEN PAY & SAVE WIN BOXES!

1. Soalan:

Apakah **Kempen Pay & Save Win Boxes!**?

Jawapan:

Kempen Pay & Save Win Boxes! merupakan inisiatif khas oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk menggalakkan pengguna myPTPTN membuat bayaran balik pinjaman PTPTN dan/ atau simpanan di Simpan SSPN. Pengguna myPTPTN juga berpeluang untuk mengumpul mata ganjaran PT Points melalui **transaksi** dan **permainan digital**.

2. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan **permainan digital**?

Jawapan:

Permainan digital adalah **aktiviti interaktif** di dalam myPTPTN yang membolehkan pengguna mengumpul mata ganjaran PT Points. Permainan yang ditawarkan di dalam kempen ini ialah permainan **Kotak Misteri**.

3. Soalan:

Bilakah tempoh **Kempen Pay & Save Win Boxes!** ini bermula?

Jawapan:

Tempoh **Kempen Pay & Save Win Boxes!** ini bermula pada **1 November 2025 sehingga 30 November 2025** dan berdasarkan konsep "*first come, first serve*" dalam tempoh kempen, tertakluk kepada baki PT Points yang diperuntukkan. Kempen ini akan ditamatkan sekiranya peruntukan PT Points telah dihabiskan lebih awal daripada tempoh kempen.

4. Soalan:

Siapakah yang layak untuk menyertai **Kempen Pay & Save Win Boxes!**?

Jawapan:

Kempen ini layak untuk disertai oleh semua **pengguna myPTPTN**.

5. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan **pengguna myPTPTN**?

Jawapan:

Pengguna myPTPTN adalah pengguna yang telah mendaftar dan berjaya menyelesaikan EKYC di myPTPTN.

6. Soalan:

Berapakah nilai pemberian yang diberikan?

Jawapan:

Setiap **1 PT Point** bersamaan dengan **nilai RM0.01** mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

7. Soalan:

Berapakah **minimum bayaran balik pinjaman PTPTN** dan/ atau **simpanan di Simpan SSPN** untuk melayakkan pengguna memperolehi mata ganjaran PT Points di dalam kempen ini?

Jawapan:

Pengguna perlu membuat minimum bayaran balik pinjaman PTPTN dan/ atau simpanan di Simpan SSPN melalui myPTPTN untuk mendapatkan mata ganjaran PT Points seperti berikut:

Produk	Minimum Bayaran dan/ atau Simpanan	Mata Ganjaran PT Points*
Bayaran Balik Pinjaman PTPTN	RM100	20 mata ganjaran
Simpan SSPN	RM100	2 mata ganjaran

**Tertakluk kepada tempoh kempen dan baki PT Points yang masih ada, mana yang terdahulu*

8. Soalan:

Bagaimanakah pengiraan mata ganjaran PT Points diambil kira untuk **setiap gandaan transaksi bayaran balik pinjaman PTPTN** bernilai RM100 di dalam tempoh kempen?

Jawapan:

Contoh pengiraan mata ganjaran PT Points adalah seperti di bawah:

Bayaran Balik Pinjaman PTPTN	Mata Ganjaran PT Points
RM100	20 mata ganjaran
RM280	40 mata ganjaran
RM500	100 mata ganjaran

9. Soalan:

Bagaimanakah pengiraan mata ganjaran PT Points diambil kira untuk **setiap gandaan transaksi simpanan di Simpan SSPN** bernilai RM100 dalam tempoh kempen?

Jawapan:

Contoh pengiraan mata ganjaran PT Points adalah seperti di bawah:

Simpanan	Mata Ganjaran PT Points
RM100	2 mata ganjaran
RM280	4 mata ganjaran
RM500	10 mata ganjaran

10. Soalan:

Berapa kali pengguna dapat bermain permainan Kotak Misteri selepas selesai membuat transaksi bayaran balik pinjaman PTPTN dan/ atau simpanan di Simpan SSPN?

Jawapan:

Pengguna yang berjaya membuat transaksi akan berpeluang bermain **permainan Kotak Misteri** seperti berikut:

Produk	Minimum Bayaran dan/ atau Simpanan	Peluang Bermain*
Bayaran Balik Pinjaman PTPTN	RM100	2 kali
Simpan SSPN	RM100	2 kali

**Tertakluk kepada tempoh kempen dan baki PT Points yang masih ada, mana yang terdahulu*

11. Soalan:

Bagaimanakah pengiraan peluang bermain permainan Kotak Misteri diambil kira untuk setiap transaksi bayaran balik pinjaman PTPTN dan/ atau simpanan di Simpan SSPN dalam tempoh kempen?

Jawapan:

Peluang bermain diambil kira pada **setiap satu (1) transaksi** sahaja dan bukan pada nilai transaksi yang dibuat.

12. Soalan:

Adakah mata ganjaran PT Points dikreditkan secara **real time** selepas transaksi berjaya dan permainan selesai dimainkan?

Jawapan:

Ya. Mata ganjaran PT Points akan **terus dikreditkan ke dalam REWARD** pengguna sebaik sahaja transaksi berjaya dan permainan selesai dimainkan.

13. Soalan:

Berapakah **had maksimum harian** bagi pemberian mata ganjaran PT Points bagi setiap pengguna?

Jawapan:

Had maksimum harian adalah **sebanyak 2,000 PT Points**.

14. Soalan:

Apakah yang dimaksudkan dengan **had maksimum harian**?

Jawapan:

Had maksimum harian bermaksud **jumlah maksimum PT Points** yang boleh dikumpul oleh setiap pengguna **dalam satu (1) hari semasa tempoh kempen**.

15. Soalan:

Berapakah nilai penebusan yang diberikan?

Jawapan:

Setiap **1 PT Point** bersamaan dengan **nilai RM0.01**. Penebusan hanya boleh dibuat apabila jumlah mata terkumpul **mencapai minimum 2,000 PT Points** mengikut terma dan syarat yang ditetapkan.

16. Soalan:

Berapa lama **tempoh luput** mata ganjaran PT Points?

Jawapan:

Mata ganjaran PT Points yang diperoleh mempunyai tempoh luput selama **dua (2) tahun** daripada tarikh ia dikreditkan ke akaun pengguna. Selepas tempoh tersebut, baki mata yang tidak ditebus akan **luput secara automatik** dan tidak boleh dituntut semula.

17. Soalan:

Bagaimanakah pengguna myPTPTN boleh **menyemak mata ganjaran PT Points yang terkumpul**?

Jawapan:

Pengguna boleh menyemak mata ganjaran PT Points **di bahagian side bar myPTPTN**, kemudian pilih butang **REWARD**.

18. Soalan:

Adakah mata ganjaran PT Points boleh ditukar kepada wang tunai?

Jawapan:

Tidak boleh. Mata ganjaran PT Points hanya boleh ditukar kepada nilai wang bagi produk PTPTN sahaja sama ada untuk **bayaran balik pinjaman** dan/ atau **deposit di Simpan SSPN Prime** dan/ atau **deposit di Simpan SSPN Plus**.

*Nota: Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma & Syarat penuh
Kempen Pay & Save Win Boxes!*

Maklumat dikemaskini pada 31 Oktober 2025